

REMATRIL CAPSULE

Glucosamine sulphate (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Rematril*
2. Bagaimana *Rematril* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Rematril*
4. Cara menggunakan *Rematril*
5. Semasa menggunakan *Rematril*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Rematril*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Rematril*

ia digunakan sebagai rawatan tambahan untuk osteoarthritis (kerosotan tulang sendi rawan).

Bagaimana *Rematril* berfungsi

Glucosamine berkesan untuk semua jenis penyakit kerosotan tulang dan sendi, jangka pendek atau panjang, dengan menghilangkan atau mengurangkan sakit sendi, memperbaiki fungsi sendi dan menghindari daripada proses kerosotan. Ia juga mempunyai aktiviti pelicir dengan meningkatkan pengeluaran bendalir pelicin.

Sebelum mengambil *Rematril*

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap glucosamine atau ramuan-ramuan lain *Rematril*.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor sebelum memulakan rawatan. Glucosamine adalah rawatan punca penyakit dan kesan hanya akan dirasai selepas seminggu rawatan. Oleh itu, ubat anti keradangan perlu diambil beberapa hari pertama rawatan untuk sakit yang teruk.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Rematril*

- Berapa banyak harus diambil

Simpptom ringan hingga sederhana – 2 kapsul dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya 6 minggu. Penyakit serius – 2 kapsul tiga kali sehari.

- Bila perlu diambil

Rematril diambil 15 minit sebelum makan.

- Berapa lama perlu diambil

Rawatan perlu diulangi setiap selang 6 bulan atau kurang mengikut preskripsi ubat. Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Rematril*

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, Elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Rematril* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Bengkak, denyutan jantung meningkat, mengantuk, sakit kepala, kesukaran tidur, loya, muntah, cirit-birit, sakit gastrik, ketidak hadaman, sembelit, pedih uluhati, tiada selera makan, merah kulit dan gatal kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Rematril

- Penyimpanan

Bekas ditutup ketat. Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul keras legap warna merah dan krim.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: glucosamine sulphate.
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, magnesium stearate dan aerosil.

- Nombor MAL:

MAL19992597X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)110417/00076